

14 SEP 1998

Mahathir-Singapura

MAHATHIR KESAL DENGAN SIKAP DAN PERBUATAN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap kerajaan Singapura kerana sering membangkitkan isu sensitif yang mengeruhkan hubungan dengan Malaysia dan juga kerana mengambil kesempatan atas kelemahan jirannya untuk membangunkan diri sendiri.

"Singapura sebenarnya membangun dengan menggunakan apa juga kelemahan jiran, tak ada langsung niat nak bantu jiran, sebaliknya apa sahaja perniagaan Singapura berasas kepada kelemahan negara jirannya," kata beliau kepada pemberita selepas melawat Stadium Hoki Pantai di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan media hari ini mengenai dakwaan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dalam biografi yang disiarkan oleh akhbar republik itu yang menyebut Malaysia "membuli dan mengugut" negara itu dengan menggunakan isu air yang dibekalkan ke republik itu.

Dr Mahathir berkata, sikap Singapura yang mengambil kesempatan atas kelemahan negara jiran itu itu memang jelas dalam apa sahaja aspek mahupun politik dan ekonomi.

"Kalau kita kenakan cukai, Singapura kurangkan cukai supaya kesemuanya (perniagaan) pergi kepada mereka, tetapi kita tak mahu bercakap soal ini," kata beliau lagi.

Perdana Menteri juga berkata, jika mereka (Singapura) selalu mendakwa kita menganiaya mereka, cemburu dan sebagainya, kita juga ada hak untuk membariskan perbuatan-perbuatan mereka terhadap negara ini.

Mengenai dakwaan Lee itu, beliau berkata: "Saya tidak nampak bagaimana kita boleh menganiyai negara itu dalam isu pembekalan air sedangkan kita telah memberi perakuan bahawa kita akan sentiasa membekalkan air kepada mereka".

"Pada perkiraan kita, kita membekalkan 80 gelen air sehari kepada setiap rakyat Singapura dan saya yakin bahawa mereka tidak mungkin menggunakan 80 gelen air itu sehari sebaliknya apa yang mereka lakukan ialah menjual air itu untuk mendapat keuntungan," kata beliau.

"Mereka beli 3 sen setiap 1,000 gelen air dan menjualnya dengan harga S\$7 per tan metrik dan menjual pula dengan harga yang lebih lagi kepada kapal," dan menambah kata Singapura sebenarnya mendapat wang yang lebih hasil penjualan air daripada apa yang kita sepatutnya dapat.

"Negara tidak pernah menunjukkan sebarang tanda akan memberhentikan bekalan air, sebaliknya saya sendiri memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus membekalkan air kepada Singapura," kata beliau.

Mengenai rusuhan kaum di Singapura pada 1964 yang menurut biografi Lee Kuan Yew didalangi oleh Umno, Perdana Menteri berkata: "Saya kesal dengan sikap Singapura yang tidak mahu meredakan ketegangan dengan Malaysia dan sebaliknya tuduh menuduh kononnya rusuhan kaum di Singapura berpunca dari Malaysia".

Sebenarnya apabila Singapura berada dalam Malaysia, mereka ingin melihat orang Cina di Malaysia menguasai politik, jadi bila kita tegur mereka marah dan disebabkan itu allahyarham Tunku Abdul Rahman berpendapat lebih baiklah mereka tidak ada dalam Malaysia.

Mereka cuba bangkitkan isu perkauman dengan apa yang dipanggil "Malaysian-Malaysia" dan merekalah yang menimbulkan sentimen perkauman di Malaysia sehingga ia meluap menjadi rusuhan pada tahun 1969 sehingga ramai yang terbunuh.

Beliau berkata, "tanpa Singapura, kita telah dapat selesaikan masalah

perkauman sehingga sekarang".

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, UMNO tidak akan menghantar sebarang memorandum bantahan mengenai dakwaan itu kerana berpendapat tidak ada gunanya berbuat demikian kepada pihak yang tidak langsung mempunyai perasaan mubhibah.

"Apa yang kita boleh buat ialah kita juga boleh menuduh mereka sebagai pengusaha untuk menimbulkan rusuhan kaum kerana sebelum kemasukan Singapura dalam Malaysia, orang Melayu, Cina dan India bekerjasama untuk menuntut kemerdekaan."

Mengenai tindakan media Singapura yang menyiarkan biografi itu yang banyak mengandungi tuduhan terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata:

"Singapura nampaknya tidak sensitif, saya berpendapat kalau Singapura ingin berbaik-baik, janganlah bangkit perkara lama ini, tak ada guna".

Dengan menyebut perkara-perkara seperti itu, ia tidak menyelesaikan masalah, malah menimbulkan lagi masalah, tambah beliau.

Dr Mahathir juga berkata, dalam keadaan sekarang, jika beliau sendiri meminta orang Malaysia berbaik-baik dengan rakyat Singapura, mereka tidak mahu.

"Kita boleh lihat reaksi semasa Sukan Komanwel, mereka menyorak pasukan negara-negara lain tetapi tidak Singapura," dan menurutnya lagi rakyat Singapura mahu berbaik dengan rakyat Malaysia tetapi para pemimpin mereka yang tidak membenarkan.

-- BERNAMA

AA PR